

PM: Harga minyak meningkat RM190 setong jika Iraq diserang

Oleh ASUKI ABAS, AZNAN BAKAR dan HATTA WAHARI

UM 27 FEB 2003

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Harga minyak mentah sedunia boleh meningkat sehingga AS\$50 (RM190) setong sekiranya Amerika Syarikat meneruskan rancangannya untuk menyerang Iraq, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bagaimanapun bertuah kerana turut mengeluarkan minyak dan akan mendapat sedikit keuntungan sekiranya harga minyak naik.

“Harga minyak (mentah) boleh meningkat sehingga AS\$50 (setong) kerana jika Iraq diserang dan mereka terpaksa berundur,

mereka mungkin membakar padang telaga minyak seperti yang dilakukannya di Kuwait.

“Bagaimanapun, kita bernasib baik kerana kita juga ada (mengeluarkan) minyak dan jika harga naik AS\$1 (RM3.80) setong, kita akan dapat AS\$54 juta (RM205.2 juta),” katanya.

Mengulas

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Beliau mengulas kemungkinan serangan

AS terhadap Iraq akan menjejaskan pasaran minyak sedunia.

Minyak mentah di pasaran dunia berlegar pada harga kira-kira AS\$32 (RM121.60) setong berikutan permintaan yang semakin meningkat dan jangkaan serangan AS terhadap Iraq pada bila-bila masa dari sekarang.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, sekiranya penyaluran minyak dari Iraq terputus, akan berlaku kekurangan bekalan di seluruh dunia.

“Kita tidak dapat minyak dari Iraq, bermakna kita terpaksa bergantung kepada Arab Saudi dan negara-negara lain.

■ Lihat muka 11

PM: Harga minyak meningkat RM190 setong jika Iraq diserang

“Bekalan akan tidak mencukupi dan harga minyak akan melambung,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, rakyat Malaysia harus bersyukur kerana

negara ini sekurang-kurangnya mengeluarkan minyak sendiri.

“Negara lain seperti Jepun terpaksa menanggung kerugian kerana mereka, walaupun kaya, terpaksa mem-

bayar lebih AS\$3 bilion (RM11.4 bilion) jika harga naik AS\$1 dolar setong. Negara lain kurang bernasib baik kerana mereka bukan sahaja tidak kaya, malah, tiada minyak sendiri,” ujar Perdana Menteri.